

Longgarkan syarat mohon tabung penyakit kronik – PM

UM - 8/2/2006

Oleh HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 7 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Kementerian Kesihatan melonggarkan syarat-syarat sedia ada bagi permohonan Tabung Bantuan Perubatan (TBP) agar ia tidak lagi menyusahkan rakyat.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengarahkan kementerian tersebut:

- Merangka dengan betul segala peraturan mengenai TBP.
- Mengambil apa juga tindakan yang sewajarnya bagi memperbaiki peraturannya.
- Menyediakan syarat yang

Bukan sahaja dari segi longgar (syarat), hendak buat syarat buatlah betul-betul

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

lebih munasabah.

“Peraturan dibuat dan kalau nampak tidak sesuai, bukan menjadi satu kesalahan bagi peraturan itu untuk diperbaiki.

“Bukan sahaja dari segi long-

gar (syarat), hendak buat syarat buatlah betul-betul, yang difikir apa juga peraturan yang wajar dan munasabah, buatlah,” kata Abdullah pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini hari ini.

Beliau mengulas rungutan pelbagai pihak yang mendakwa mengalami kesusahan untuk

■ Lihat muka 2

Longgarkan syarat mohon tabung penyakit kronik – PM

mendapat bantuan TBP sedangkan dana daripada tabung itu 'bagaimana tidak disentuh' apabila hanya RM6.1 juta dibelanjakan sehingga awal tahun ini daripada keseluruhan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Bulan lepas, Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek mengakui tabung itu tidak mendapat sambutan orang ramai disebabkan kurang publisiti dan bukannya masalah birokrasi.

Semalam pula, Pergerakan Pemuda UMNO mahu kementerian itu mendedahkan senarai nama penerima TBP supaya orang ramai boleh mengetahui siapa sebenarnya yang menerima kemudahan tersebut.

Sebelum ini, tiga pertubuhan bukan kerajaan mendesak kerajaan mengkaji semula syarat-syarat kelayakan TBP supaya peruntukan yang disediakan menerusi tabung itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)

mahu TBP menjadi tabung bantuan yang sebenar-benarnya.

TBP ditubuhkan pada tahun lepas bagi menggantikan Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan (TKKK) yang mencetuskan kontroversi dengan beberapa pembaharuan diperkenalkan termasuk syarat lebih longgar.

Perdana Menteri berkata, pihaknya sendiri tidak mengetahui mengapa rakyat masih sukar hendak mendapatkan kemudahan tabung tersebut walaupun syarat-syaratnya telah dilonggarkan.

Tindakan

"Saya tidak tahu mengapa, sudah dilonggarkan (syarat) masih susah hendak dapat, tentu ada sebab tertentu yang membuat (orang) mengatakan susah.

"Kalau benar-benar susah maka kita perlu mengambil apa juga tindakan untuk mengurangkan kesusahan," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan

bagaimanapun berkata, kerajaan tidak boleh membuat peraturan yang mampu memuaskan hati semua pihak.

"Ini kerana tidak pernah ada undang-undang yang boleh memuaskan hati semua orang.

"Tetapi kalau rakyat nak ambil tindakan sesuka dia, hendak macam ini macam itu, tidak mahu ikut peraturan, maka jadi susahlah bagi dia untuk membuat permohonan," katanya.

Kepada soalan mengenai kes-kes kecuaiian di hospital kerajaan yang semakin kerap berlaku, Perdana Menteri berkata, hasil penyiasatan yang dibuat perlu didedahkan kepada umum supaya tidak timbul persepsi bahawa kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan.

"Hasil penyiasatan telah dibuat tidak didedahkan, tidak maklumkan, itu kealpaan yang perlu diatasi.

"Ini kerana ia perkara yang menjadi perhatian rakyat, rakyat mempunyai minat yang tinggi dalam hal itu, maka menjadi kewajipan untuk terangkan apa yang berlaku," katanya.